

PEMERKASAAN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SELANGOR MENGIKUT UNDANG-UNDANG SYARIAH DI MALAYSIA

EMPOWERMENT OF THE FAMILY SUPPORT DIVISION OF THE SELANGOR STATE SYARIAH JUDICIARY DEPARTMENT UNDER SYARIAH LAW IN MALAYSIA

¹Siti Madihah Ruzmi, ^{1,*}Asma Hakimah Ab Halim & ¹Fatimah Yusro Hashim

¹Faculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: hakimah@ukm.edu.my

Article history:

Submission date: 13 March 2024
Received in revised form: 21 June 2024
Acceptance date: 27 September 2024
Available online: 31 August 2025

Keywords:

Enforcement, implementation, family support division, order, maintenance, penguatkuasaan, pelaksanaan, Bahagian Sokongan Keluarga, perintah, nafkah

Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Ruzmi, S. M., Ab Halim, A. H., & Hashim, F. Y. (2025). Empowerment of the family support division of the Selangor state syariah judiciary department under syariah law in Malaysia: *Pemeriksaan Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor mengikut undang-undang syariah di Malaysia*. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 13(2), 428-444.
<https://doi.org/10.33102/mjssl.vol13no2.724>



© The authors (2025). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

ABSTRACT

The issue of non-compliance in paying maintenance is one that often arises in marriage, especially after divorce. Ideally, such issues should not occur to the extent that intervention from the Shari'ah Court is required to compel a father to support his own child. Due to the severity of this problem, the authorities have taken the initiative to establish the Family Support Division (BSK) under the Malaysian Shari'ah Judiciary Department (JKSM). The BSK was established as a result of the 46th National Council Conference of Malaysian Islamic Religious Affairs held on 7 June 2007 in Putrajaya, chaired by Malaysia's fifth Prime Minister, Tun Abdullah Ahmad Badawi. However, the question arises as to whether the BSK, along with its functions and implementation, needs to be gazetted to be effective in the Shari'ah Courts, or whether a specific provision should be added to the Administrative Act/Enactment to demonstrate its source of authority. This study aims to identify the functions and roles of the BSK in the procedure for implementing and enforcing maintenance orders, analyse the problems faced by the BSK in enforcing current or outstanding orders, and propose solutions to these issues. The research adopts a qualitative methodology, with data collected from primary and secondary sources such as judicial books, religious texts, theses, and relevant journal articles. A total of five officials were interviewed. The findings indicate weaknesses in the legal aspects relating to the establishment of the BSK. Further studies may be undertaken to examine the need for drafting or amending laws to empower the Family Support Division in Malaysia, including the enactment of new legislation on enforcement procedures and the execution of orders in the Shari'ah Courts, to achieve its objectives.

ABSTRAK

Isu pengabaian nafkah merupakan perkara yang sering berlaku sama ada dalam perkahwinan, apatah lagi setelah berlakunya perceraian. Sepatutnya, tidak wajar timbul isu pemberian nafkah sehingga memerlukan campur tangan pihak lain seperti Mahkamah Syariah untuk memerintahkan seorang bapa menyara anaknya sendiri. Melihat kepada keruncingan masalah pengabaian perintah mahkamah berkaitan pemberian nafkah, pihak berkuasa sekali lagi mengambil inisiatif dengan menubuhkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). BSK ditubuhkan hasil daripada Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-46 pada 7 Jun 2007 di Putrajaya yang dipengerusikan oleh mantan Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia ke-5, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Persoalannya, adakah BSK, termasuk amalan dan pelaksanaannya, perlu diwartakan bagi mengesahkan penggunaannya di Mahkamah Syariah, atau perlu diwujudkan satu peruntukan khusus di dalam Akta/Enakmen Pentadbiran untuk menunjukkan punca kuasanya. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti fungsi dan peranan BSK dalam prosedur pelaksanaan serta penguatkuasaan perintah nafkah, menganalisis permasalahan pelaksanaan dan penguatkuasaan yang dihadapi BSK dalam menguatkuasakan perintah nafkah atau perintah nafkah tertunggak, serta mencadangkan penyelesaian terhadap setiap permasalahan tersebut. Metodologi kajian adalah berbentuk kualitatif. Data dikumpulkan daripada sumber primer dan sekunder seperti buku berkaitan kehakiman, jurnal, kitab turath, kajian ilmiah melalui tesis, dan artikel jurnal yang relevan. Sebanyak lima orang pegawai telah ditemu bual oleh penulis. Hasil kajian mendapati terdapat kelemahan dari segi undang-undang berhubung penubuhan BSK. Kajian lanjut boleh dijalankan untuk meneliti keperluan penggubalan atau pindaan undang-undang ke arah memperkasakan Bahagian Sokongan Keluarga di Malaysia, atau menggubal perundangan baharu yang melibatkan prosedur penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah di Mahkamah Syariah, agar pembayaran nafkah yang diperintahkan oleh mahkamah dapat mencapai objektifnya.

Pengenalan

Ketidakpatuhan bekas suami atau bapa dalam melaksanakan pembayaran nafkah mengikut perintah Mahkamah Syariah merupakan isu yang sering dibangkitkan dalam masyarakat. Terdapat banyak kes di mana perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah tidak dipatuhi oleh pihak yang bertanggungjawab, dengan tiada tindakan tegas diambil terhadap mereka yang ingkar (Utusan Malaysia, 2023). Situasi ini menjejaskan kredibiliti dan kewibawaan Mahkamah Syariah, sekali gus menimbulkan persepsi bahawa institusi ini tidak tegas serta kurang berkuasa dalam menguatkuasakan perintahnya. Ia juga mencetuskan persoalan sama ada Mahkamah Syariah bersifat bias atau berat sebelah terhadap kaum lelaki dalam isu penguatkuasaan perintah nafkah (Sies, 2023).

Pemberdayaan ilmu dalam kalangan isteri dan ibu tunggal mengenai hak-hak mereka, serta peningkatan kesedaran dalam kalangan suami mengenai tanggungjawab mereka untuk melaksanakan pembayaran nafkah berdasarkan perintah yang telah dikeluarkan oleh mahkamah, perlu terus diperkukuh secara berterusan. Usaha ini adalah penting bagi memastikan semua pihak memahami serta menunaikan tanggungjawab mereka dengan sebaiknya, sekaligus memperkuat penguatkuasaan perintah nafkah dan melindungi kesejahteraan keluarga yang terlibat (Ibrahim, 1999).

Dalam membahaskan isu berkaitan perintah mahkamah, baik yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah mahupun Mahkamah Sivil, pihak yang tertakluk kepada keputusan tersebut mempunyai kewajipan untuk mematuhi. Secara prinsipnya, perintah mahkamah merupakan penghakiman yang mesti dipatuhi tanpa pengecualian. Walau bagaimanapun, adalah suatu perkara yang kerap berlaku di mana pihak yang dikenakan perintah tersebut mengabaikan, menunjukkan kecuai, atau dengan sengaja enggan untuk mematuhi arahan yang dikeluarkan. Dari sudut pandang kehakiman, kegagalan untuk mematuhi perintah ini memberi hak kepada pemohon atau plaintif untuk mengambil langkah seterusnya dalam menguatkuasakan dan melaksanakan perintah tersebut, sesuai dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada (Yaacob, 1999).

Menyedari keperluan memperkasakan tindakan pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah di Mahkamah Syariah, maka BSK ditubuhkan sebagai bukti keseriusan mencari solusi ke atas permasalahan yang timbul. Langkah ini diambil sejajar dengan matlamat kewujudan institusi kehakiman syariah iaitu demi menegakkan keadilan. Apatah lagi, kewajipan mengeluarkan nafkah jelas terakam dalam firman Allah SWT:

Terjemahan: Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan kemampuannya. Janganlah menjadikan seorang ibu itu menderita kerana anaknya dan jangan pula menjadikan seseorang bapa itu menderita kerana anaknya dan warisnya juga menanggung kewajipan tersebut (jika bapa telah tiada).

(Surah al-Baqarah, 2:233)

Secara prinsipnya, penubuhan BSK di Mahkamah Syariah dianggap sebagai langkah yang amat bijak dan tepat pada masanya untuk mengatasi masalah berkaitan pelaksanaan keputusan mahkamah. Perintah yang disebut di sini lebih membicarakan tentang perintah berkaitan nafkah, hadhanah, pengurusan harta dan lain-lain perintah berkaitan kekeluargaan. Bagaimanapun, sejak kebelakangan ini timbul masalah yang membimbangkan iaitu kelewatan atau kegagalan membayar nafkah selepas perintah nafkah diputuskan oleh Mahkamah Syariah semakin meningkat. Selain memberikan khidmat nasihat perundangan syariah, BSK juga berfungsi dan memenuhi tugas sebagai peguam dan bailif syariah dalam melaksanakan penghakiman dan menguatkuasakan perintah Mahkamah Syariah berhubung dengan nafkah. Ia bertujuan untuk mengawal selia pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah, khususnya dalam konteks yang berkaitan dengan Mahkamah Syariah di Negeri Selangor.

Khalifah 'Umar ibn al-Khattab, dalam risalah kehakimannya kepada Abu Musa al-Ash'ari, menegaskan bahawa tiada manfaat dalam membuat keputusan yang benar (*haq*) sekiranya keputusan tersebut tidak dilaksanakan. Pendapat ini disokong oleh 'Abd al-Kareem Zaydan yang dalam karyanya menegaskan bahawa seorang hakim, setelah mengeluarkan atau menyampaikan penghakiman, bertanggungjawab untuk melaksanakan penghakiman tersebut jika dia berkemampuan. Namun, sekiranya hakim itu memerlukan bantuan, dia dibenarkan untuk mengutus surat kepada hakim lain bagi mendapatkan bantuan dalam melaksanakan penghakiman tersebut (Zamburi, 2012).

Berdasarkan premis inilah menjadikan kewujudan BSK amat signifikan sebagai sebahagian daripada komponen penting di Mahkamah Syariah. Otoriti di atas menunjukkan bahawa kewajipan mahkamah untuk memastikan semua perintah yang dikeluarkan dapat dilaksanakan supaya mereka yang berhak mendapat manfaat daripada perintah yang diputuskan.

Metodologi Kajian

Secara umumnya, untuk menjalankan penyelidikan ini, penulis menggunakan kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data dalam menyediakan kajian ini. Terdapat satu bentuk kaedah kajian yang digunakan oleh penulis dalam kajian ini iaitu kajian kualitatif. Penyelidikan kualitatif merupakan penggunaan fakta, maklumat, ulasan, pernyataan, pemerhatian, tanggapan, makna, konsep, ciri, simbol, persepsi, metafora, emosi, dan lain-lain (Awang, 2001). Sumber data yang diperoleh dalam kajian kualitatif ini adalah dalam bentuk buku, jurnal, tesis, artikel, terbitan berkala, kertas kerja, seminar, diari rasmi, brosur, temu bual dan pemerhatian (Sidek, 2000).

Untuk mengumpul data yang diperlukan, penyelidik menggabungkan beberapa kaedah dengan menjalankan dua bentuk penyelidikan utama: penyelidikan perpustakaan dan penyelidikan lapangan. Dengan kata lain, kesimpulan dibuat selepas data dan maklumat ini dianalisis dan diterjemahkan atau dijelaskan mengikut kefahaman penulis. Semasa menganalisis data, penyelidik biasanya menggunakan teknik analisis deskriptif kualitatif (penilaian kualiti dan kesahan). Penggunaan kaedah ini boleh dikategorikan kepada beberapa jenis iaitu: metode induktif dan metode deduktif.

Penggunaan metode ini membantu penulis menganalisis data dan maklumat fenomena yang dikaji bagi mengaplikasikan teori dalam menyelesaikan masalah kajian. Contohnya, penulis memulakan penulisan ini dengan menceritakan asal usul penubuhan BSK di JKSM, dan akhirnya memberi penumpuan kepada pengkajian khusus di JAKES. Selain itu juga, penulis mencari contoh-contoh khusus tentang kejayaan dan pencapaian tindakan penguatkuasaan perintah nafkah tertunggak di BSK yang dikaji kemudian membuat kesimpulan ke atas maklumat ini secara khusus.

Oleh itu, kajian lapangan ini menggunakan metode temu bual sebagai pendekatan utama untuk mendapatkan data dan maklumat. Penulis memilih beberapa informan yang berkecualan, termasuk Ketua Hakim Syarie JAKES, Penolong Pengarah Kanan BSK JAKES, serta tiga pegawai BSK JAKES dari Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah dan Unit Pengurusan Dana. Selain itu, temu bual tidak berstruktur turut dijalankan dengan pegawai dan kakitangan BSK bagi mengumpul maklumat tambahan yang relevan.

Perbincangan

Hasil temu bual bersama dengan informan yang layak, kajian ini mendapati bahawa terdapat kelemahan dari aspek undang-undang berhubung penubuhan BSK. Selain tidak mempunyai garis panduan yang berstruktur dan sistematik berhubung dengan prosedur pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah Mahkamah.

Terdapat beberapa isu berkaitan pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah yang dikenal pasti dalam Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), yang berpunca daripada pelbagai faktor dalaman dan luaran. Antara permasalahan utama yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

Tiada Peruntukan Undang-Undang sebagai Punca Kuasa BSK

Permasalahan berkaitan kredibiliti Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) masih wujud dan memerlukan perhatian serius. Ketidakselarasan dalam aspek perundangan berkaitan pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah, serta pelaksanaan hukuman yang kurang berkesan, telah menimbulkan keraguan terhadap keupayaan institusi ini. Kelemahan-kelemahan tersebut secara tidak langsung mencerminkan ketidakteguhan struktur organisasi BSK, sekali gus menjejaskan kepercayaan terhadap keberkesanannya sebagai badan pelaksana yang berperanan penting dalam menjamin pematuhan terhadap perintah Mahkamah Syariah.

Daripada isu tersebut, dapat disimpulkan bahawa terdapat kelebihan dan kekurangan BSK jika hendak dibandingkan dengan organisasi sokongan keluarga di negara-negara Islam yang lain. Antara kekurangan ketara BSK ialah tiada peruntukan undang-undang yang menjadi punca kuasa kepada badan tersebut untuk berfungsi sebagai badan pelaksana dan penguatkuasaan perintah. BSK juga tidak mempunyai satu arahan atau garis panduan yang jelas melibatkan tatacara pengurusan dan perjalanan BSK dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah yang digunakan di Mahkamah.

Ketika ini BSK dilihat tidak mempunyai peruntukan undang-undang dan tatacara yang jelas mengenai kewujudan penubuhannya yang membolehkan BSK mempunyai satu bidangkuasa yang luas dalam melaksanakan perintah nafkah sehingga telah menyebabkan pihak BSK seolah-olah tidak wujud dan tenggelam dalam hasrat untuk melaksanakan dan menguatkuasakan perintah dengan berkesan (Zin, 2007).

Ketiadaan Undang-Undang Pemakaian Tempoh Had Masa dan Skala Pentaksiran Jumlah Nafkah dalam Perintah Nafkah

Selain itu, masalah pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah ini masih berterusan akibat kelewatan dalam memperoleh perintah atau menerima bayaran nafkah. Antara situasi yang lazim berlaku ialah kelewatan Mahkamah dalam menetapkan tarikh perbicaraan kes nafkah. Tarikh perbicaraan tersebut kerap kali ditunda dan ditangguhkan, ada yang mengambil masa berbulan-bulan bahkan sehingga bertahun-tahun. Dalam sesetengah keadaan, pertukaran hakim semasa prosiding perbicaraan nafkah turut menyebabkan kelewatan dalam mengeluarkan perintah nafkah. Di samping itu, para isteri sering membuat aduan kepada Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) berhubung kelewatan penerimaan nafkah, khususnya akibat kelewatan potongan gaji oleh majikan meskipun Mahkamah telah mengeluarkan arahan potongan

tersebut. Kegagalan majikan memberikan kerjasama yang sewajarnya menambahkan lagi kerumitan. Keadaan ini menjadikan pelaksanaan perintah nafkah semakin kompleks dan membimbangkan (Awal, 2005).

Tambahan lagi terdapat perintah nafkah yang dikeluarkan pula mempunyai kadar nafkah yang rendah berbanding dengan keperluan asas anak yang terdiri daripada yuran sekolah, tempat tinggal, perubatan dan nafkah semasa perayaan. Terdapat kes seperti kelulusan berpoligami yang mana menyebabkan isteri terdahulu tidak mendapat nafkah. Sikap segelintir Hakim yang tidak tegas dalam mengeluarkan perintah yang mana mengenakan penjara dan nafkah yang perlu dibayar. Bagaimana suami yang dipenjarakan akan membayar hutang nafkah tersebut? Oleh sebab itu terdapat banyak aduan daripada pengadu yang berulang-alik ke Mahkamah dengan menyatakan bahawa perintah yang Mahkamah keluarkan tidak jelas dan akhirnya menyebabkan nafkah tersebut tidak dibayar secara tetap dan konsisten (Awal, 2005).

Ketiadaan Pemusatan Kuasa Organisasi/Koordinasi

Satu perkara yang mungkin menjadi penghalang atau sekurang-kurangnya menyukarkan pelaksanaan penghakiman Mahkamah Syariah khususnya pada organisasi BSK JAKESS iaitu hakikat bahawa BSK di Mahkamah Syariah adalah sebuah BSK negeri. Sebelum ini diakui tidak sukar untuk mengakses penghutang penghakiman ini. Berdasarkan hasil temu bual bersama informan kajian 1, hampir keseluruhan penduduk Melayu/Islam di negara ini adalah mereka yang tinggal, berkahwin, beranak-pinak dan bekerja di sesuatu kampung/tempat tertentu.

Mereka tidak berpindah randah ke sana ke mari melainkan beberapa orang yang menjadi anggota polis atau askar yang sering berpindah randah dan bertukar-tukar alamat. Ini adalah antara masalah utama dalam pelaksanaan perintah yang diterima oleh pihak BSK sendiri yang akan berurusan dengan penghutang penghakiman yang senantiasia memberikan alasan atau sering berdolak-dalik sehingga BSK gagal untuk menjejaki keberadaan mereka.

Sebelum zaman moden kini, keberadaan Penghutang Penghakiman mudah dijejaki. Sebagai contoh, pergi ke mana sahaja, malah ke daerah, ke kampung, ke kawasan mahupun ke negeri pasti mereka dapat dikesan dengan mudah, ketika itu masyarakat mengenali antara satu sama lain. Begitu juga dalam kes harta sepencarian, apabila mahkamah mengeluarkan perintah pembahagian harta sepencarian terhadap harta tidak alih seperti sawah dan rumah, harta-harta tersebut dilihat sebagai harta yang sukar untuk dilupuskan dengan mudah (Che Hasan *et al.*, 2024).

Walau bagaimanapun, pada zaman globalisasi kini, keadaan sudah berubah. Di kawasan perkampungan, penduduknya adalah terdiri daripada golongan yang berusia di mana mereka ini adalah golongan yang tidak memikirkan tentang masalah perkahwinan mahupun perceraian. Namun dewasa ini golongan muda dilihat lebih memilih kehidupan di perantauan mahupun perbandaran. Mempunyai cabaran kehidupan yang berbeza dalam konteks rumah tangga. Begitu juga dengan jenis harta yang menjadi pertikaian sudah tidak melibatkan lagi harta berbentuk rumah dan sawah, malah skop dan ruang lingkupnya menjadi lebih luas merangkumi wang dalam akaun bank, saham, kenderaan dan lain-lain.

Oleh yang demikian, sistem BSK negeri perlu ditambahbaik selari dengan keperluan masa dan kesesuaian lokaliti terutama dalam hal berkait pelaksanaan penghakiman bagi memastikan hak pihak-pihak yang terlibat dapat dipenuhi, seterusnya dari sudut governan dan perundangan seperti bidangkuasa BSK, pengisian jawatan dan lain-lain.

Ketiadaan Penguatkuasaan dan Kekurangan Sumber Manusia

Secara umumnya penguatkuasaan perintah nafkah mahkamah sangat lemah. Masalah ini juga kerap berlaku bagi suami yang bekerja sendiri. Pihak BSK gagal untuk mengakses maklumat suami yang tidak makan gaji ini untuk mengarahkan sebarang pembayaran dilakukan menerusi apa-apa medium *online* mahupun *off-line*. Waran tangkap juga tidak dapat dilaksanakan dan seringkali peranan Bailif Mahkamah dipertikaikan dan dipersoalkan seolah-olah mereka ini bukan anggota polis yang berautoriti untuk menangkap dan menahan mana-mana individu yang berkenaan. Sedangkan Bailif Mahkamah ini sudah jelas peranannya dalam peruntukan undang-undang untuk melakukan penahanan dan menjalankan waran tangkap atas individu yang gagal membayar nafkah dalam tempoh yang ditetapkan (Awal, 2003).

Masalah penguatkuasaan terus bergolak apabila wujud kekurangan pada kakitangan mahkamah khususnya di BSK untuk menguatkuasakan perintah. Pegawai penguat kuasa juga tidak mempunyai cukup latihan dalam menjalankan tugasnya kerana wujud kekangan-kekangan tertentu dalam melaksanakan perintah nafkah tersebut akibat tiada garis panduan dan peruntukan undang-undang berkenaan tugas dan waran tangkap (Arifin @ Mohd Rifin, 2021).

Kesesuaian kapasti warga kerja BSK negeri juga perlu dilihat dari segi kepadatan penduduk dan kompleksiti kes. Capaian ke daerah-daerah agar khidmat BSK dapat terus berkembang antara langkah yang mungkin boleh dipertimbangkan. Tentu sekali hal ini tidak menafikan pemerhatian lanjut serta perlu mengambil kira aspek perbelanjaan, perjawatan dan seumpamanya.

Kegawatan dalam Mendapatkan Kerjasama daripada Agensi atau Pihak Lain

BSK akui banyak badan mahupun organisasi yang kurang memberikan impak positif dan kerjasama yang sewajarnya dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah. Misalnya pihak Baitulmal sendiri kurang membantu dalam menggunakan sumbernya untuk tujuan ehsan kepada ibu tunggal ini. Pengagihan bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Baitulmal ini dilihat tidak memuaskan dan tidak mencukupi kerana akhirnya ibu tunggal terpaksa bersusah payah datang ke BSK meminta bantuan untuk menguatkuasakan perintah.

Selain itu Jabatan Bantuan Guaman (JBG) juga sering lambat dalam membawa kes tuntutan nafkah. Terdapat banyak rungutan dari kaum ibu yang mengakui tidak mendapat bantuan JBG kerana wanita tersebut tidak termasuk dalam kategori terima bantuan JBG. Sama juga keadaannya sekiranya ketika prosiding berlangsung peguam JBG sering bertukar dan berpindah yang akan melewatkan lagi dan melambatkan perjalanan kes. Perkara-perkara ini telah menyebabkan kegagalan dalam membantu tuntutan dan keperluan nafkah serta perkara-perkara kebajikan yang lain.

Ketidakupayaan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) untuk mengakses simpanan suami, seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), telah menimbulkan cabaran yang signifikan dalam menyelesaikan kes nafkah di mahkamah. Kekangan birokrasi dan pelbagai isu yang dikemukakan oleh pihak KWSP terhadap BSK mengenai akses kepada simpanan ini mengakibatkan beban kewangan yang lebih berat kepada isteri, termasuk keperluan menanggung kos bagi suami yang sedang dipenjarakan serta kesukaran dalam memperoleh tempat tinggal atau perumahan. Berdasarkan informan kajian 2 juga, ketiadaan kerjasama yang berkesan serta sokongan yang menyeluruh daripada agensi-agensi berkaitan telah melambatkan proses penyelesaian kes nafkah, sekali gus memberi implikasi yang negatif terhadap kebajikan serta hak pembelaan anak-anak yang terlibat (Md Abdul Salam & Mohd Khatib, 2020).

Ini kerana semasa prosiding perbicaraan dilakukan di Mahkamah mereka gagal mendapatkan bantuan dan sumber kewangan kerana ibu dan anak-anak ini tiada duit untuk keperluan harian dan sekolah. Oleh sebab itu dengan adanya pendahuluan nafkah yang diwujudkan oleh BSK ibu-ibu ini nampak kembali bernyawa kerana ada yang mengambil berat dan sama-sama ingin berganding bahu meringankan beban mereka.

Sebahagian aduan yang dikemukakan kepada Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) berjaya diselesaikan walaupun selepas bertahun-tahun tertangguh, hasil daripada kerjasama erat dengan agensi-agensi seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Polis Diraja Malaysia, dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Defendan yang sebelum ini tidak diketahui keberadaannya dapat dikesan, sekaligus membolehkan tindakan mahkamah dikenakan dengan lebih efektif.

Keengganan Suami Bekerjasama

Masalah dengan suami ini jelas merupakan punca permasalahan yang dialami oleh BSK JAKESS dalam melaksanakan dan menguatkuasakan perintah dan ia banyak berlaku apabila kaum bapa ini tidak dapat dikesan. Suami kerap kali meninggalkan hutang kepada isteri sebagai penjamin. Ada juga situasi di mana suami membuat pinjaman pembelian rumah dengan memalsukan tandatangan isteri. Suami setelah itu bertindak melarikan diri yang akhirnya mengakibatkan isteri dan anak-anak hilang tempat bergantung sehingga tiada wang dan tempat tinggal. Lebih teruk lagi para suami yang membuat pinjaman dengan along. Keadaan ekonomi kita yang semakin meruncing menyebabkan kadar sewaan semakin tinggi.

Bagaimana ibu tunggal ini harus berdiri atas kaki sendiri untuk mendapatkan haknya yang dianiayai (Jazilah *et al.*, 2020).

Ada pula situasi di mana setelah perintah nafkah keluar suami tidak pula melunaskan dan membayar mengikut jumlah yang diperintahkan. Alasannya adalah kerana tidak mampu. Lebih malang lagi buat para isteri yang suaminya memperolehi gaji harian akan menyulitkan lagi pelaksanaan perintah tersebut. Apatah lagi banyak kes yang dilaporkan oleh BSK adalah tentang suami yang tidak hadir ke Mahkamah walaupun saman telah diserahkan. Suami gagal memberikan kerjasama sebaiknya dan adakalanya sampai berlaku perbalahan dan pergaduhan (Jazilah *et al.*, 2020).

Masalah ini juga akan berlarutan sekiranya suami berada di pusat serenti. Bagaimana sesuatu pelaksanaan perintah itu boleh dicapai sekiranya masalah di kalangan suami ini tidak ditangani dan bagaimana sesuatu perintah nafkah itu hendak dilaksanakan? Perkara ini turut diakui oleh Tuan Safaruddin Urusli yang mengatakan antara faktor yang sering dibangkitkan berlakunya kelewatan atau kegagalan menunaikan perintah nafkah adalah masalah kewangan defendan (bapa) yang juga memberikan alasan kerana sering tidak mendapat akses berjumpa anak. Faktor lain adalah gagal berkomunikasi antara pihak-pihak apabila defendan mencurigai sama ada wang yang dimasukkan ke akaun bank plaintif (bekas isteri) benar-benar dimanfaatkan untuk keperluan anak-anak (Ismail, 2022).

Cabaran bermula apabila keperluan kepada konsistensi daripada pihak BSK dalam memastikan perintah-perintah nafkah yang dikeluarkan diambil perhatian segera dan sewajarnya. Dengan banyaknya perintah yang dikeluarkan, BSK perlu sistematik dalam mengendalikan hal ini di samping tugas-tugas sedia ada yang lain. Selain itu, informan kajian 3 mencadangkan bahawa mekanisme yang lebih berkesan turut boleh difikirkan dan dipertimbangkan di peringkat atasan dan mencadangkan jika boleh waran tangkap dikeluarkan terus kepada defendan (bapa) yang cuai membayar nafkah selepas tempoh sebulan diperintahkan tanpa perlu melalui permohonan di mahkamah sebagaimana amalan di mahkamah sekarang (Hamid *et al.*, 2021).

Cadangan Penambahbaikan Kedudukan dan Fungsi Bahagian Sokongan Keluarga

Beberapa cadangan ingin dikemukakan bagi mempertingkatkan kedudukan dan fungsi Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), khususnya di negeri Selangor, antaranya ialah:

Punca Kuasa dan Penguatkuasaannya

Peruntukan khusus sewajarnya dimasukkan dalam Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam di negeri-negeri bagi menguatkuasakan pelaksanaan dan pentadbiran Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). Usaha ini dijangka akan diteruskan melalui pindaan Akta atau Enakmen Pentadbiran pada masa akan datang. Walaupun demikian, ketiadaan peruntukan khusus tersebut tidak bermakna pelaksanaan BSK tidak boleh dikuatkuasakan di Mahkamah Syariah (Sulaiman, 2002). Setelah pelaksanaan dan pentadbiran BSK diendorskan oleh Ketua Hakim Syarie Negeri untuk digunapakai di sesebuah negeri, ia menjadi arahan rasmi yang wajib dipatuhi oleh semua pengamal undang-undang di negeri tersebut. Ini termasuklah Hakim-Hakim Syarie, pegawai-pegawai Mahkamah Syariah, Peguam Syarie, dan Pendakwa Syarie yang mesti mematuhi arahan BSK yang telah disahkan oleh Ketua Hakim Syarie Negeri.

Diharapkan undang-undang yang berkaitan dapat digubal, diwartakan, dan dilaksanakan dengan segera memandangkan terdapat pelbagai isu yang timbul berkaitan pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah, terutamanya yang melibatkan harta alih dan tidak alih, yang sering dipertikaikan dalam Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). Selain itu, pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah juga merupakan aspek yang amat signifikan dan perlu diberi perhatian serius. Walaupun menghadapi beberapa cabaran dan kekangan, secara keseluruhannya penubuhan BSK sebagai sebuah organisasi yang memfokuskan kepada pelaksanaan perintah dapat dilihat sebagai medium efektif dalam membantu penyelesaian kes nafkah. Ini dapat dibuktikan dengan penurunan yang ketara dalam rungutan mengenai kelewatan dan kegagalan pelaksanaan perintah.

Oleh yang demikian, peruntukan undang-undang khusus mengenai BSK perlu diwujudkan bagi memberi legitimasi kepada organisasi ini dalam usaha mengukuhkan kedudukan dan kredibilitinya sebagai sebuah badan eksklusif yang bertanggungjawab melaksanakan serta menguatkuasakan perintah. Penggubalan dan undang-undang boleh dibuat dengan merujuk dan menggunakan penghakiman-penghakiman mahkamah sivil dan buku-buku teks mengenai acara mal di mahkamah sivil. Ini disebabkan oleh fakta bahawa acara mal yang digunakan di Mahkamah Syariah adalah berdasarkan Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980, yang juga digunakan di mahkamah sivil. Peruntukannya adalah sama dalam kebanyakan kes. Penghakiman mahkamah sivil mengenainya boleh digunakan sebagai rujukan, sekurang-kurangnya dalam kes di mana peruntukan kedua-duanya sama. Selama beberapa dekad, mahkamah sivil telah mentafsir dan melaksanakan peruntukan-peruntukan itu.

Sebagaimana yang dimaklumi, undang-undang yang digunakan di setiap negeri berbeza-beza kerana setiap negeri mempunyai undang-undang mereka sendiri. Perbezaan ini menyebabkan banyak isu. Sebagai contoh, sesetengah negeri mengeluarkan perintah yang berbeza walaupun ia datang daripada pihak yang sama. Apabila timbulnya isu yang berkaitan dengan ketidakseragaman undang-undang, terutamanya yang berkaitan dengan perintah antara satu sama lain, penguatkuasaan perintah, saman dan waran tangkap juga tidak boleh dilaksanakan. Selain itu, fakta bahawa setiap negeri mempunyai Dewan Undangan Negerinya sendiri menyebabkan masalah ini timbul (Omar, 2003). Oleh yang demikian, suatu kajian komprehensif serta penggubalan undang-undang yang bersesuaian perlu dilaksanakan bagi memastikan perintah Mahkamah Syariah dapat dikuatkuasakan dengan lebih berkesan, terutamanya apabila melibatkan pihak bukan Islam dan badan-badan berkanun atau swasta. Langkah ini juga penting bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah secara menyeluruh dan seragam di seluruh negeri di Malaysia.

Pada hakikatnya, penghutang penghakiman mesti secara sukarela melaksanakan perintah mahkamah. Walau bagaimanapun, perintah berkenaan tidak dilaksanakan secara sukarela dalam kebanyakan kes. Termasuk perintah penghinaan mahkamah untuk mereka yang menolak untuk melakukannya. Pihak yang mendapat perintah sering mengabaikan untuk memohon penguatkuasaan perintah itu kerana mereka menganggap mereka tidak perlu berbuat apa-apa lagi selepas mendapat perintah itu. Ini adalah isu yang kerap timbul. Selain itu, pelaksanaan undang-undang akan menimbulkan masalah sekiranya ia melibatkan pihak bukan beragama Islam dalam perkara sivil atau mal, serta di luar bidang kuasa. Hal ini demikian kerana peruntukan undang-undang negeri pada masa ini tidak membenarkan pelaksanaan keputusan Mahkamah Syariah yang melibatkan pihak bukan Islam. Dalam konteks sedemikian, terdapat keperluan untuk mempertimbangkan pindaan terhadap beberapa peruntukan undang-undang di peringkat Persekutuan bagi membolehkan pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah merangkumi individu bukan Islam serta entiti atau pertubuhan lain yang berkaitan.

Penggubalan Peruntukan Undang-Undang Berkaitan Tempoh Had Masa Bagi Kes Tuntutan Nafkah di Mahkamah Syariah

Pada masa ini dalam hal mendapatkan perintah nafkah, undang-undang tidak menetapkan sebarang tempoh had masa kepada mana-mana pihak untuk mendapatkan perintah nafkah. Hal ini menyebabkan wujudnya keadaan di mana tunggakan nafkah isteri dituntut hanya selepas berlakunya perceraian lebih 20 tahun. Keadaan ini berbeza dalam hal penguatkuasaan perintah nafkah, terdapat peruntukan had masa dalam Akta/Enakmen/Ordinan Prosedur Mal Mahkamah Syariah. Sebagai contoh perenggan 154 (1)(b) Akta 585 yang memperuntukan perintah pelaksanaan tidak boleh dikeluarkan melainkan dengan kebenaran Mahkamah jika ia hendak dilaksanakan selepas enam tahun atau lebih daripada tarikh penghakiman/perintah (Mokhtar *et al.*, 2021).

Kajian mendapati ketiadaan tempoh had masa dalam membuat tuntutan nafkah telah membawa kepada implikasi berikut:

- i. Jumlah tuntutan yang terlampau tinggi khususnya tuntutan nafkah isteri dan akhirnya membebankan pihak defendan dalam melaksanakan bayaran tersebut.
- ii. Ketidakadilan kepada pihak yang dituntut.

- iii. Sekiranya wujud tempoh had masa (*limitation period*), kedua-dua pihak boleh meneruskan kehidupan dengan mengetahui tiada lagi tuntutan yang akan dibuat oleh mana-mana pihak terhadap mereka.
- iv. Keadaan tempoh masa yang panjang boleh dianggap sebagai “*self sufficiency*” dan pihak yang menuntut boleh dianggap mengurus kehidupan tanpa bantuan kewangan daripada pihak satu lagi.
- v. Tempoh masa yang panjang boleh terjadi perbezaan pada hal kewangan/taraf hidup pihak-pihak sehingga boleh menyebabkan sukar untuk menentukan jumlah yang sesuai dan relevan dengan keadaan semasa awal penceraian.
- vi. Tempoh had masa yang dicadangkan bukanlah menjadi penghalang terus kepada pihak untuk menuntut bahkan plaintif khususnya masih boleh menuntut sekiranya tuntutan yang dibuat adalah wajar dan munasabah dengan kebenaran mahkamah.
- vii. Beberapa negara seperti India dan Australia didapati telah menetapkan had masa tertentu dalam peruntukan undang-undang berkaitan tuntutan nafkah, antaranya tempoh tiga tahun dan enam tahun, bagi mengelakkan kelewatan dalam tindakan undang-undang serta memastikan keberkesanan pelaksanaan perintah.

Keperluan menetapkan tempoh masa dalam tuntutan nafkah berasaskan pertimbangan untuk memperkukuh kewibawaan institusi kehakiman, dengan mengehadkan permohonan yang dibuat di luar tempoh munasabah yang ditetapkan oleh undang-undang. Langkah ini juga dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan pihak yang menuntut mengenai kepentingan pematuhan terhadap had masa yang ditetapkan serta mengelakkan penyalahgunaan peruntukan undang-undang untuk kepentingan peribadi semata-mata.

Mewujudkan Kaedah-Kaedah Skala Pentaksiran Jumlah Nafkah Anak

Bagi memudahkan dan membantu hakim dalam memutuskan jumlah nafkah anak dalam kes permohonan nafkah anak, satu prosedur lengkap pentaksiran jumlah nafkah anak perlu diwujudkan. Berdasarkan hukum syarak dan peruntukan undang-undang, tiada kadar yang jelas ditetapkan dalam mentaksir jumlah nafkah anak. Hukum syarak dan peruntukkan undang-undang hanya memberi panduan umum bagaimana bentuk dan kadar nafkah yang hendak ditentukan (Daud, 2002). Keperluan terhadap skala ini berdasarkan asas pertimbangan yang berikut:

- i. Ketiadaan prosedur yang tetap menggambarkan ketidakselarasan dalam membuat keputusan di kalangan hakim-hakim dan jumlah diputuskan selalunya rendah daripada apa yang dimohon. Apatah lagi sekiranya perintah diperoleh belum dapat memastikan pembayaran dilaksanakan oleh bapa.
- ii. Prosiding kes panjang dalam membicarakan kes nafkah seringkali merumitkan pihak-pihak terutamanya plaintif untuk datang atau perlu meminta cuti dan meninggalkan untuk datang menghadiri perbicaraan.
- iii. Yuran peguam yang tinggi turut membebankan pihak-pihak.
- iv. Pihak plaintif juga tidak tahu cara-cara membuat tuntutan.
- v. Proses Mahkamah juga dikatakan tidak melindungi “*best interest*” anak”: beban bukti melihat kemampuan bapa diletak ke atas ibu. Ibu bertanggungjawab membuktikan jumlah yang didakwa diperlukan oleh si anak berada di bawah kapasiti suami. Ia seperti menuntut hutang sedangkan itu antara hak anak terhadap bapa. Ibu perlu membawa bukti mengenai pendapatan suami, mendapatkan slip gaji daripada bekas suami dan mengemukakannya di hadapan hakim. Ini menimbulkan masalah kerana dia perlu:
 - a) Membuat permohonan kepada mahkamah;
 - b) Mengemukakan butir-butir perbelanjaan yang diperlukan;

- c) Membawa bukti resit-resit berkenaan keperluan anak;
- d) Mencari dan membentangkan penyata gaji ayah untuk membuktikan kemampuan kewangan si bapa (pendapatan bapa merujuk kepada pendapatan kasar bapa).

Penurunan dan Pemusatan Pentadbiran Kuasa BSK

Kajian ini mengesyorkan agar pihak JKSM khususnya JAKESS memberi kuasa terus kepada BSK tanpa melalui permohonan kepada perintah Mahkamah dan proses perbicaraan untuk mempercepatkan kes dan terdapat surat sokongan bagi tujuan tersebut diberikan kepada BSK. Dengan erti kata lain sekiranya Perintah nafkah telah dikeluarkan oleh Mahkamah hendaklah dihantar terus dan diberi kuasa penuh kepada BSK bagi tujuan pemantauan kes tersebut tanpa melalui proses perbicaraan sekali lagi di hadapan Hakim. Selain mendapatkan bantuan BSK terutama apabila suami diperintah penjara dan isteri pula menarik balik kes tersebut kerana isteri terpaksa menanggung kos sendiri.

Kajian ini mencadangkan agar prosedur sedia ada dalam pengendalian kes dipermudah, khususnya yang melibatkan proses penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah. Sebagai contoh, waran tangkap boleh dikeluarkan secara langsung oleh hakim terhadap pihak yang ingkar membayar nafkah setelah dimaklumkan kepada Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). Sekiranya keingkaran tersebut jelas, BSK boleh bertindak segera melaksanakan penguatkuasaan tanpa memerlukan permohonan baharu di hadapan hakim atau melalui proses perbicaraan tambahan. Hal ini berbeza dengan amalan semasa yang mewajibkan pihak isteri memfailkan permohonan perintah nafkah tertunggak dan menjalani sesi soal jawab di hadapan hakim sebelum BSK boleh melaksanakan tanggungjawab penguatkuasaan perintah tersebut.

Antara langkah yang dicadangkan untuk meningkatkan taraf BSK adalah dengan memusatkan kuasa pentadbiran sokongan keluarga di bawah satu badan khas di peringkat kebangsaan. Melalui pendekatan ini, BSK di peringkat negeri akan digabungkan dan diletakkan di bawah kawalan badan tersebut. Kelemahan utama struktur sedia ada adalah kedudukan BSK yang masih tertakluk di bawah bidang kuasa negeri, sekali gus mewujudkan persepsi bahawa ia merupakan sebuah organisasi kecil dengan kuasa yang terbatas kepada negeri masing-masing. Bagi merealisasikan cadangan ini, Ketua Hakim Syarie dan Mufti perlu mengemukakan penjelasan kepada Sultan atau Raja negeri yang berkaitan mengenai sebab, objektif, serta implikasi masa hadapan penggabungan tersebut.

Memberi Kuasa Penguatkuasaan kepada Pegawai BSK

Cabaran utama kepada BSK JAKESS adalah isu memberi kuasa penguatkuasaan terus kepada Pegawai BSK. Sebagai makluman, terdapat dua belas buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Wilayah Persekutuan, Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Perak telah memberikan kuasa Penguatkuasaan iaitu tauliah Peguam Syarie kepada Pegawai BSK. Manakala Selangor dan Johor masih tidak diberikan tauliah setakat ini. Berikutan daripada Pegawai BSK JAKESS tidak mempunyai tauliah untuk beramal sebagai Peguam Syarie BSK bagi membantu pelanggan-pelanggan BSK JAKESS di dalam kes pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah, pelanggan BSK JAKESS terpaksa bergantung kepada khidmat bantuan guaman Syarie daripada Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Unit Guaman Syarie (UGS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) (Nasohah & Tapah, 2001).

Namun demikian, pada masa ini bebanan tugas Peguam Syarie JBG telah melebihi kapasiti tenaga kerja sedia ada menyebabkan Peguam Syarie JBG tidak dapat memberikan perhatian yang khusus kepada kes-kes pelanggan BSK JAKESS yang seterusnya mengakibatkan penyelesaian kes menjadi perlahan. Manakala Peguam Syarie UGS MAIS hanya mengambil kes berkaitan tunggakan nafkah anak sahaja. Sehubungan dengan itu, keperluan tauliah kepada Pegawai BSK untuk beramal secara tidak langsung dapat membantu pelanggan mengendalikan kes-kes pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah dengan lebih cepat dan berkesan. Ini juga selaras dengan Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie pada 3hb. Disember 2009 yang telah memutuskan pegawai LS41 dan LS44 BSK diberikan tauliah sebagai Peguam Syarie bagi mengendalikan kes-kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah (Nasohah, 2007).

Begitu juga dengan pelaksanaan tugas Bailif di Mahkamah Syariah. Pada masa ini, khususnya di Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) JAKESS, terdapat hanya tiga pegawai, iaitu dua orang Penolong Pegawai Syariah dan seorang Pembantu Syariah BSK yang melaksanakan fungsi Bailif. Kekangan jumlah bailif di Mahkamah Syariah memberi implikasi terhadap keberkesanan tindakan penguatkuasaan. Hal ini kerana pelaksanaan perintah yang melibatkan sitaan, jualan, waran tangkap dan lain-lain memerlukan kapasiti sumber manusia yang mencukupi (Ali, 2021).

Selain itu, sejak tahun 2010, BSK JAKESS telah meluluskan dan menyalurkan sebanyak RM 287,430.00 kepada seramai 74 orang penerima. Pendahuluan nafkah yang dibayar kepada penerima-penerima tersebut hendaklah dikutip balik daripada penerima hasil daripada perintah pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah di Mahkamah. Namun demikian, akibat daripada kesukaran pelanggan untuk mengendalikan kes-kes penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah tersebut sehingga kini BSK hanya mampu membuat kutipan balik sebanyak RM 13,280.00 sahaja.

Pihak BSK Selangor juga berdepan masalah menguatkuasakan perintah tahanan pendapatan tenaga (potongan gaji) terutamanya ke atas Defendan yang bekerja sendiri atau di sektor swasta. Ada di antara majikan yang enggan memberi kerjasama melaksanakan pembayaran nafkah melalui potongan gaji dan berlaku keadaan di mana Defendan itu sendiri bertukar kerja lain.

Sejak BSK mula beroperasi di JAKESS pada April 2012 sehingga Disember 2021, BSK JAKESS telah merekodkan sebanyak 1754 aduan pelanggaran perintah nafkah dan sebanyak 1410 kes tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah melalui pelbagai prosiding telah difailkan oleh pelanggan BSK di Mahkamah Syariah. Daripada 1410 kes tersebut, sebanyak 400 kes masih belum selesai dan sedang dalam prosiding di Mahkamah. Berdasarkan kepada pemerhatian pihak BSK JAKESS, sebahagian besar daripada pelanggan BSK JAKESS telah memfailkan kes secara sendirian atau melalui JBG (Awal, 2003).

Jadual 1. Perbandingan UPPP bagi tahun 2015 dan 2016 di antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan

Tahun	2015		2016	
Perkara	Selangor (Tiada Peguam Syarie)	Negeri Sembilan (Ada Tauliah Peguam Syarie)	Selangor (Tiada Tauliah Peguam Syarie)	Negeri Sembilan (Ada Tauliah Peguam Syarie)
Daftar	207	144	238	149
Selesai	73	102	27	93
Peratus Penyelesaian	35%	71%	11%	62%

Berikutan itu, pihak BSK Selangor tetap merasakan kewajaran pegawai BSK bertindak sebagai peguam syarie kepada para pelanggan demi memastikan kelancaran kes yang dibawa di Mahkamah Syariah. Jika ingin dibuat perbandingan, negeri-negeri yang memberikan tauliah Peguam Syarie kepada Pegawai BSK mencatat peratusan penyelesaian kes yang lebih tinggi berbeza dengan negeri yang tidak diberikan tauliah. Mengambil contoh perbandingan dengan Negeri Sembilan, pada tahun 2015, kes yang didaftarkan di Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah berjumlah 144 kes dan sebanyak 102 kes berjaya diselesaikan. Manakala pada tahun 2016, sejumlah 149 kes didaftarkan dan sebanyak 93 kes berjaya diselesaikan. Sementara di Selangor, kes yang didaftarkan pada tahun 2015 adalah sebanyak 207 kes manakala kes yang selesai sebanyak 73 kes. Bagi tahun 2016, sejumlah 238 kes didaftarkan manakala yang berjaya selesai adalah sebanyak 27 kes.

Berdasarkan anggaran yang diperoleh daripada data dalaman dan laporan BSK negeri (Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), 2020), kadar penyelesaian kes di Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Negeri Sembilan mencatatkan prestasi yang lebih baik berbanding Selangor, dengan kadar penyelesaian masing-masing sebanyak 71% pada tahun 2015 dan 62% pada tahun 2016, manakala BSK Selangor hanya mencapai kadar 35% dan 11% bagi tempoh yang sama; keadaan ini dipercayai berpunca daripada isu pentauliah pegawai serta skop tugas BSK yang terhad kepada penguatkuasaan perintah nafkah, di samping kadar penyelesaian kes tertunggak di Selangor yang turut menunjukkan variasi mengikut tahun, iaitu 55% bagi kes sehingga 2020 (136 daripada 247 kes), 57% bagi kes sehingga 2019 (124 daripada 219 kes), dan 73% bagi kes sehingga 2018 (88 daripada 121 kes) (JKSM, 2020).

Pemeriksaan Bailif di Mahkamah Syariah harus diberikan perhatian serius. Hasrat untuk melihat keberkesanan aspek penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah dapat dipertingkatkan dengan memperkukuhkan jawatan bailif. Seperti mana di Mahkamah Sivil yang memperuntukkan jawatan khas bailif, Mahkamah Syariah juga wajar mengambil langkah proaktif dalam hal ini. Pengukuhan jawatan bailif di Institusi Kehakiman Syariah sebagai satu kaedah yang menunjukkan perintah yang dikeluarkan Mahkamah Syariah bukanlah sekeping kertas yang tidak berharga (Ali, 2021).

Seterusnya, kerjasama dengan agensi-agensi berkepentingan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Jabatan Imigresen, ASTRO dan lain-lain wajar dilaksanakan. Ini kerana maklumat-maklumat penting yang dapat membantu carian Defendan dapat dikongsikan demi menjaga masalah pihak isteri dan anak-anak agar tidak terus teraniaya. Jalinan kerjasama di peringkat pusat sebagai satu langkah besar bagi membantu pelaksanaan perintah di negeri-negeri.

Di samping itu juga, langkah menguatkuasakan perintah tahanan pendapatan tenaga yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah terhadap majikan perlu diberi penekanan. Penegasan terhadap hukuman yang boleh diambil ke atas majikan yang gagal mematuhi perintah yang dikeluarkan Mahkamah Syariah hendaklah dijalankan. Ini termasuklah menjelaskan bidang kuasa Mahkamah yang patut mengambil tindakan dalam hal ini jika tuntutan sebegini difailkan lebih-lebih lagi apabila melibatkan syarikat atau majikan bukan beragama Islam. Tanpa menafikan kerjasama yang diberikan oleh JBG dan UGS amat memberangsangkan, namun secara tidak langsung bantuan pihak ketiga dalam pengendalian kes-kes BSK menyukarkan pihak BSK daripada aspek pemantauan kes. Pihak BSK perlu berhati-hati agar tidak dilihat campur tangan setelah kes dibawa oleh pihak lain. Apatah lagi, prinsip menghormati profesionalisme pihak-pihak yang menjadi amalan antara agensi.

Berikutan itu, pihak BSK Selangor tetap merasakan kewajaran pegawai BSK bertindak sebagai Peguam Syarie kepada para pelanggan demi memastikan kelancaran kes yang dibawa di Mahkamah. Jika ingin dibuat perbandingan, negeri-negeri yang memberikan tauliah Peguam Syarie kepada Pegawai BSK mencatat peratusan penyelesaian kes yang lebih tinggi berbeza dengan negeri yang tidak diberikan tauliah. Sebagai perbandingan, menurut data rasmi (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, 2022), pada tahun 2020, 144 kes telah didaftarkan di Unit Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah, dengan 102 kes berjaya diselesaikan; manakala pada tahun 2021, 149 kes telah direkodkan dengan 94 penyelesaian. Sebaliknya, di Selangor (Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, 2022), sejumlah 213 kes direkodkan pada 2020 dengan hanya 54 kes selesai, dan pada 2021, 365 kes didaftarkan sementara hanya 120 yang berjaya diselesaikan. Perbezaan ini menunjukkan perbezaan ketara dalam kadar penyelesaian, mencerminkan keperluan semakin terhadap kecekapan pelaksanaan serta sumber yang diperuntukkan.

Oleh kerana terdapat kegagalan pematuan perintah nafkah di negeri Selangor dan ketidakmampuan ibu-ibu tunggal untuk memfailkan kes penguatkuasaan memandangkan kos pelantikan peguam syarie swasta yang agak tinggi, maka kewujudan BSK mampu mengurangkan bebanan kewangan yang dihadapi oleh mereka kerana pegawai BSK sendiri yang akan menjalankan tindakan penguatkuasaan perintah di Mahkamah secara percuma.

Asas Pertimbangan Keperluan Pentauliahkan Peguam Syarie

Keperluan pentauliahkan peguam syarie kepada pegawai BSK Gred LS44 dan Gred LS41 adalah penting bagi membolehkan pegawai tersebut menjalankan tugas guaman membantu pemiutang penghakiman (isteri/bekas isteri/anak) mendapatkan tunggakan nafkah daripada bapa atau bekas suami. Perlantikan dibuat berdasarkan kepada peruntukan seksyen 80(1)(3)(c) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (pindaan) 2011 iaitu:

80(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (4), Majlis boleh menerima mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang Hukum Syarak menjadi Peguam Syarie bagi mewakili pihak-pihak dalam apa-apa prosiding di dalam Mahkamah Syariah.

(2) Majlis boleh, dengan kalulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan untuk-

(a) mengadakan peruntukan bagi tatacara, kelayakan dan fi bagi penerimaan Peguam Syarie; dan

(b) mengawalselia, mengawal dan mengawasi kelakuan Peguam Syarie

(3) Walau apa pun subseksyen (1)-

(a) mana-mana anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan; atau

(b) mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Bantuan Guaman 1971,

(c) mana-mana Pegawai Syariah dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan

Boleh bertindak sebagai Peguam Syarie bagi mewakili mana-mana pihak dalam apa-apa prosiding dalam Mahkamah Syariah jika pihak itu boleh diwakili olehnya dalam Mahkamah Sivil menurut kuasa-kuasa di bawah Akta Prosiding Kerajaan 1956 (Akta 359) dan Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta 26) atau mana-mana undang-undang bertulis tanpa anggota atau orang itu perlu diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di bawah Akta itu.

Pegawai BSK yang diberi tauliah ini akan mewakili pihak pemiutang penghakiman bagi membantu melalui proses perbicaraan di mahkamah seperti penyediaan untuk proses pra-perbicaraan, perbicaraan dan pasca-perbicaraan (Nasohah, 2009).

Penyelarasan Pelaksanaan Waran Tangkap

Secara umumnya BSK berfungsi untuk menguatkuasakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah berkaitan nafkah anak dan isteri berdasarkan tatacara perundangan dan Hukum Syarak menerusi tindakan seperti berikut: Notis Tunjuk Sebab/Komital, Saman Penghutang Penghakiman, Notis Penghakiman, Penyitaan dan Penjualan, *Hiwalah* dan Perintah Tahanan Pendapatan Tenaga (Salleh Kamaruddin & Jazilah, 2021).

Berdasarkan informan kajian 4, bagi melaksanakan fungsi-fungsi tersebut, BSK diberi kuasa untuk menjalankan tugas sebagai Bailif khususnya melibatkan penyampaian saman / dokumen dan melaksanakan waran tangkap di seluruh daerah di Selangor. Sumber kuasa Bailif BSK adalah mendapat tauliah Penolong Pendaftar / Pembantu Pendaftar Bahagian XVIII Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Selangor Tahun 2003 Arahan Amalan No. 12 Tahun 2006 (Manual Kerja Bailif). Gabungan daripada unit lain diperlukan seperti IPD Shah Alam dalam memperkukuhkan kerjasama bagi melaksanakan waran tangkap mal dan jenayah meliputi urusan tangkapan yang segera dan bantuan pengangkutan kepada orang yang ditangkap serta memperkukuhkan kerjasama bagi mengesan tertuduh / penghutang penghakiman bagi melancarkan perjalanan perbicaraan kes.

Kajian ini turut mencadangkan agar pindaan terhadap Akta Polis dipertimbangkan, khususnya bagi memperkukuh aspek kerjasama antara pihak polis dan agensi berkaitan dalam penguatkuasaan waran tangkap, termasuk ke atas saksi yang gagal hadir ke mahkamah tanpa sebab yang munasabah. Selain itu, penulis berpandangan bahawa pewujudan kerjasama strategik antara Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Selangor dan pihak Penguat Kuasa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) wajar dipertimbangkan. Kerjasama ini diyakini dapat mempertingkatkan keberkesanan pelaksanaan perintah nafkah di negeri Selangor, khususnya dari sudut pemantauan, pelaksanaan dan penguatkuasaan yang lebih terkoordinasi serta menyeluruh.

Kedua-dua pihak perlu memfokuskan kepada pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah yang antaranya mengenai pelaksanaan waran tangkap, perintah pengkomitan dan proses pelaksanaan perintah yang lain yang melibatkan isu perintah luar bidangkuasa, keselamatan, tempat tahanan, logistik dan kemudahan serta isu-isu pentadbiran lain yang terlibat dalam pelaksanaan perintah Mahkamah Syariah. Selain itu, BSK boleh mendapatkan perkongsian pengalaman bersama-sama dengan Bahagian Penguatkuasaan JAIS dalam melaksanakan waran tangkap dan perintah pengkomitan yang telah dilaksanakan sebelum ini oleh pihak penguatkuasa JAIS.

BSK JAKESS juga boleh meminta bantuan pihak Penguatkuasa JAIS bagi pelaksanaan waran tangkap, waran pengkomitan, penghantaran ke penjara dan menyediakan tempat tahanan sementara di Bahagian Penguatkuasaan JAIS termasuk bagi kes-kes yang melibatkan pelaksanaan perintah bersaling. Bahagian Penguatkuasaan juga boleh membantu BSK JAKESS dengan mengiringi Bailif BSK JAKESS semasa pelaksanaan waran atau pelaksanaan prosiding pelaksanaan perintah yang lain bagi memastikan keselamatan Bailif BSK. Begitu juga dalam perkara menerima dan membuat siasatan bagi kes-kes rujukan BSK JAKESS untuk tindakan pendakwaan di bawah kesalahan mengingkari perintah Mahkamah atau kesalahan kecuai dengan sengaja untuk mematuhi perintah mengikut kesesuaian kes-kes tertentu. BSK JAKESS juga akan memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat tambahan kepada Bahagian Penguatkuasaan mengenai latar belakang Defendan/Penghutang Penghakiman bagi memudahkan pelaksanaan perintah atau waran terhadap Defendan/Penghutang Penghakiman.

Bantuan Kebajikan dan Pendidikan

Penulis juga mencadangkan agar BSK juga dapat menampung bayaran mengenai kebajikan dan pendidikan terutama kepada saudara baru bukan hanya memberi bantuan pendahuluan nafkah sahaja. Penulis mencadangkan agar dimasukkan pegawai kebajikan di BSK dalam membantu melicinkan lagi proses kerja BSK. Pegawai kebajikan ini ditempatkan di mahkamah agar dapat membantu golongan ibu tunggal (balu) yang kematian suami dan isteri (janda) yang diceraikan oleh suami memandangkan tiada lagi Pegawai Kebajikan di setiap BSK dalam pengamatan Penulis setakat ini. Pegawai Kebajikan ini dilihat signifikan dalam memberi tumpuan seratus peratus terhadap bantuan kebajikan dan pendidikan memandangkan setiap pegawai di unit BSK telah mempunyai skop kerja tertentu yang sudah cukup berat untuk dikendalikan.

Dana kebajikan ini juga bertujuan untuk menampung kos kehadiran pemiutang ke Mahkamah yang tinggal jauh serta BSK boleh membuat perbincangan bersama Baitulmal dalam pengagihan dana serta mewujudkan kerjasama dengan BSK agar masyarakat umumnya dapat berhubung dan bertanyakan pelbagai soalan mengenai bantuan-bantuan dan perkhidmatan yang diberikan dan ditawarkan oleh BSK.

Pihak BSK JKSM berpandangan terdapat keperluan untuk memberikan pengecualian fi dan keselarasan kaedah pengecualian yang diberikan bagi semua kes yang didaftarkan oleh BSK. Ini dilihat sebagai satu kebajikan mengurangkan beban kepada masyarakat yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal atau isteri yang berkerja sendiri dan berpendapatan rendah yang diwakili oleh BSK sebagai salah satu bahagian yang berkhidmat bagi pihak kerajaan.

Mesyuarat Ketua Pendaftar Seluruh Malaysia ke-53 Bil.1/2013 bersetuju supaya negeri-negeri mengambil langkah untuk memberikan pengecualian fi Mahkamah bagi semua kes yang didaftarkan oleh SBSK. Antara kaedah-kaedah pengecualian fi yang telah dibentangkan dalam mesyuarat tersebut adalah:

- i. Pekeliling Ketua Hakim Syarie Negeri;
- ii. Arahan Ketua Hakim Syarie Negeri.

Selain itu, Mesyuarat Ketua Pendaftar Kali Ke-53 juga mengambil maklum beberapa kaedah lain untuk pengecualian fi Mahkamah bagi kes penguatkuasaan dan perlaksanaan perintah yang difailkan oleh SBSK, iaitu (Md Abdul Salam & Mohd Khatib, 2020):

- i. Mewujudkan peruntukan pengecualian fi terhadap kes yang difailkan oleh SBSK di bawah Kaedah Elaun, Fi dan Kos Mahkamah Syariah Negeri-negeri; dan
- ii. Menggunakan peruntukan Seksyen 31 Akta/Enakmen Tatacara Mal (Mahkamah Syariah) Negeri-negeri iaitu Permohonan untuk mendakwa atau membela sebagai orang miskin.
- iii. Menggunakan peruntukan di bawah Arahan No. 14 Arahan Akaun Amanah BSK Negeri-negeri tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Akaun, wang dalam Akaun Amanah ini hendaklah dibelanjakan hanya untuk tujuan-tujuan berikut. Perbelanjaan pembayaran di mahkamah berkaitan Pelaksanaan Perintah Mahkamah berhubung dengan pembayaran nafkah.

Penambahan Bilangan Pegawai

Penulis mencadangkan agar pihak berwajib mempertimbangkan penambahan bilangan Pegawai Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) bagi mempertingkatkan kecekapan dalam pengurusan dan penyelesaian kes-kes nafkah tertunggak. Hal ini berikutan situasi semasa di BSK Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS), yang hanya mempunyai lima orang Pegawai BSK yang mengetuai unit masing-masing, sedangkan jumlah kes perintah nafkah yang diterima menunjukkan peningkatan yang berterusan saban hari. Sehubungan itu, penulis menyarankan agar sekurang-kurangnya lima orang pegawai tambahan dilantik bagi memenuhi keperluan operasi, khususnya dalam aspek pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah mahkamah. Ini termasuk pelaksanaan tugas-tugas seperti pelaksanaan waran tangkap, sitaan serta lelongan awam, yang lazimnya memerlukan kehadiran bailif terlatih dan berpengalaman bagi menjamin keberkesanan sistem perundangan syariah, khususnya dalam hal-hal berkaitan kebajikan keluarga (Mohd Zain, 2007). Pegawai-pegawai ini akan bertindak secara spesifik untuk melakukan tugas-tugas pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah. Ini kerana di BSK Selangor khususnya pegawai-pegawai berdepan dengan kes nafkah tertunggak yang banyak dan arahan dari semasa ke semasa dari dalam mahupun dari luar dengan terpaksa keluar melakukan sendiri tangkapan terhadap penghutang penghakiman. Menurut informan kajian 5, tenaga kerja sedia ada di BSK dilihat terpaksa melakukan bermacam-macam kerja dan dengan penambahan bilangan pegawai ini sudah tentu pegawai-pegawai akan lebih fokus terhadap bidang skop kerja masing-masing.

Meskipun pegawai di BSK JAKESS merupakan pegawai negeri, skim perkhidmatan, syarat pelantikan, serta gaji dan elaun mereka ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Persekutuan. Jawatan dalam sektor kehakiman dan perundangan di peringkat negeri adalah amat terhad, sekali gus mengehadkan peluang kenaikan pangkat dalam perkhidmatan. Keadaan ini menyebabkan sebahagian pegawai berkecenderungan dalam bidang kehakiman tidak menceburi bidang tersebut. Sekiranya perkhidmatan ini diselaraskan di peringkat persekutuan, skim perkhidmatan, pelantikan, dan elemen lain dapat diseragamkan, selain membuka lebih banyak peluang kenaikan pangkat kerana ia tidak lagi terhad kepada negeri tertentu sahaja.

Sememangnya jika dilihat BSK masih diletakkan di tempat yang rendah terutama sekali apabila dilihat dalam aspek bangunan, jumlah kakitangan dan sebagainya. Oleh itu satu latihan yang berbentuk profesional perlu diadakan bagi mempertingkatkan kefahaman para pegawai di BSK khususnya di Selangor. Selain itu beban yang dipikul oleh pegawai di BSK adalah amat berat. Pegawai-pegawai di BSK perlu menunjukkan bahawa hukum syarak bukan sahaja yang terbaik dari segi teorinya tetapi juga terbaik dari segi pelaksanaannya. Jika mereka gagal dalam melaksanakan perintah, bukan mereka sahaja yang akan dikecam tetapi juga hukum syarak akan turut dikatakan tidak adil.

Oleh itu, pegawai kehakiman dan perundangan yang terlibat dalam pentadbiran hukum syarak, terutamanya dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah Mahkamah Syariah, memerlukan latihan dan pendidikan yang teliti. Mereka perlu diberikan latihan ikhtisas sekurang-kurangnya seperti pegawai di Mahkamah Sivil ataupun lebih baik dari itu. Penulis berpendapat bahawa adalah penting untuk memahami pelbagai jenis pelaksanaan yang dibenarkan oleh Mahkamah Syariah. Sekiranya diperlukan, kerani-kerani mal dan bailif Mahkamah Syariah boleh ditempatkan sementara di Mahkamah Sivil selama tempoh dua minggu bagi tujuan pemerhatian terhadap pelaksanaan tugas yang setara. Langkah ini berpotensi memberikan pengalaman dan pengetahuan yang bermanfaat.

Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa pentadbiran dan pengurusan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), khususnya di Negeri Selangor, masih mempunyai beberapa kelemahan walaupun Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) telah mengambil langkah penambahbaikan. Namun, kurangnya penyampaian maklumat kepada masyarakat menyebabkan timbul persepsi bahawa tiada tindakan susulan diambil. Hal ini turut dipengaruhi oleh media massa dan media cetak yang kurang memberi liputan kepada isu berkaitan hal ehwal Islam, khususnya pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah. Secara keseluruhan, pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah tertunggak melalui penubuhan BSK di JAKESS mendapat reaksi positif daripada pelbagai pihak, termasuk kerajaan, masyarakat, dan negara luar. Konsep penubuhan BSK dilihat sebagai kaedah

penyelesaian yang berkesan dalam mempercepatkan proses tuntutan nafkah tertunggak di Mahkamah Syariah. Penulis mencadangkan agar BSK berfungsi sebagai pusat tanggungjawab (*central authority*) yang diberi kuasa penuh melaksanakan perintah mahkamah dalam kes kekeluargaan Islam serta dikembangkan menjadi agensi tersendiri. Selain itu, BSK wajar menganjurkan pertemuan antarabangsa bagi memperkukuh peranannya di peringkat global, memberikan khidmat nasihat perundangan Islam kepada orang awam, dan menjadi saluran maklumat kepada negara-negara luar.

Rujukan

- Ahmad Ibrahim. (1999). *Undang-undang keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn. Bhd.
- Ali, M. N. M. (2021). Peranan bailif dalam penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah: Perspektif maqasid al-shari'ah. Dalam *Undang-undang keluarga Islam di Malaysia: Teori, amalan dan pelaksanaan* (halaman 380–396). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia & Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Arifin @ Mohd Rifin, M. H. (2021). Fungsi penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah Bahagian Sokongan Keluarga menurut Maqasid al-Shari'ah: Keberkesanannya di Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah. Dalam *Undang-undang keluarga Islam di Malaysia: Teori, amalan dan pelaksanaan* (halaman 328–352). Kuala Lumpur: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia & Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Awal, N. A. M. (2003). *Kajian kes tertanggung di Mahkamah Syariah Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan: Satu kajian perbandingan dengan Mahkamah Sivil* (Tesis sarjana). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awal, N. A. M. (2005). *Kajian perlaksanaan dan penguatkuasaan perintah nafkah di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia 2001–2005*. Kuala Lumpur: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia & Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Awal, N. A. M. (2005). *Perlaksanaan perintah nafkah isteri dan anak di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awang, I. (2001). *Kaedah penyelidikan: Suatu sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Che Hasan, N. A., Md Said, M. H., & Hashim, F. Y. (2024). Konsep tanggungjawab keibubapaan di Malaysia: Analisis perundangan literatur. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(1), 41–62.
- Daud b. Muhammad, (2002). Nafkah: Permasalahan dan penyelesaian. Dalam *Kertas kerja seminar keperluan manual mengenai undang-undang keluarga Islam* (halaman 11). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia & Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Hamid, M. S. A., Said, Z., & Saad, J. M. @ Mat Saud. (2021). Tindakan saman penghutang penghakiman: Analisis keputusan Mahkamah Rayuan Syariah. *Jurnal Hukum*, 51(2), 418–425.
- Ismail, M. H. (2022). Pelaksanaan waran tangkap oleh pihak polis dalam kes tunggakan nafkah di Mahkamah Syariah. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 30, 51–60.
- Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. (2020). *Laporan tahunan JKSM 2020: Unit penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah* (Laporan tahunan). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. (2022). *Statistik penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah 2020–2021* (Laporan tahunan). Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan.
- Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. (2022). *Laporan statistik kes nafkah 2020–2021* (Laporan tahunan). Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.
- Jazilah, M. S. @ Mat Saud, Afridah, A., Noraini, H., & Sodah, W. (2020). Mekanisma penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah orang Islam: Sistem berasaskan mahkamah. *IIUM Law Journal*, 21(2), 183–208.
- Jazilah, M. S. @ Mat Saud, Sidin, M. A. F., & Ambaras Khan, H. (2020). Penggunaan mediasi di Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) (2010–2020): Satu analisa. Dalam *Prosiding persidangan antarabangsa undang-undang Islam 2020* (halaman 408–416). Kuala Lumpur: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia & Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Md Abdul Salam, N. Z., & Mohd Khatib, N. S. (2020). Isu tunggakan nafkah: Keperluan penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). *Journal of Muwafaqat*, 3(1), 38–51.

- Mohd Zain, N. (2007). Nafkah 'iddah dan mut'ah. Dalam *Undang-undang keluarga Islam* (halaman 174). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mokhtar, M. F., Ahmad Maulana, S. F., Jamil, S. A., & Azaimi Apandi, M. F. (2021). Jenis-jenis penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan: Satu pengenalan. Dalam *Undang-undang keluarga Islam di Malaysia: Teori, amalan dan pelaksanaan* (pp. 308–326). Kuala Lumpur: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia & Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nasohah, Z. (2007). *Penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah: Kajian di Mahkamah Syariah Selangor (1999–2004)* (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Malaya.
- Nasohah, Z. (2009). Cabaran penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah di Mahkamah Syariah Negeri Selangor dari perspektif peguam syarie *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 13, 115–128.
- Nasohah, Z., & Tapah, S. (2001). Analisis pelaksanaan prosiding saman penghutang penghakiman dalam penguatkuasaan perintah pembayaran nafkah: Kajian kes Mahkamah Syariah Negeri Selangor. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 15, 43–52.
- Noah, S. M. (2000). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Omar, A. (2003). Isu-isu utama berhubung prosedur perbicaraan di Mahkamah Syariah. Dalam *Kertas kerja seminar ke arah memperkemaskan undang-undang keterangan dan prosedur di Mahkamah Syariah* (halaman 4–9). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia & Kerajaan Negeri Sembilan.
- Salleh, A., Kamaruddin, S. A., & Jazilah, M. S. @ Mat Saud. (2021). Pelaksanaan prosiding hiwalah: Pengalaman Bahagian Sokongan Keluarga. Dalam *Undang-undang keluarga Islam di Malaysia: Teori, amalan dan pelaksanaan* (halaman 397–406). Kuala Lumpur: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia & Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Sulaiman, S. (2002). Penguatkuasaan perintah Mahkamah Syariah berkenaan kes-kes kekeluargaan Islam. Dalam *Kertas kerja seminar keperluan manual mengenai undang-undang keluarga Islam* (halaman 7–8). Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia & Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Yaacob, A. M. (2000). *Undang-undang keluarga Islam dan wanita di negara-negara ASEAN*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Zamburi, H. (2012). *Bibliografi Khalifah Umar al-Khattab*. Selangor: Al-Hidayah Publication.
- Zin, N. M. (2007). Undang-undang keluarga (Islam). Dalam *Siri perkembangan undang-undang di Malaysia* (halaman 1–359). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.